

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	15 AUGUST 2016

# Pelaburan Iskandar Malaysia RM208b

BH-15/8/2016

➔ Jumlah bukti keyakinan kukuh pelabur realisasi status metropolis antarabangsa

Oleh Zuraidah Mohamed  
zmohamed@bh.com.my

✦ Johor Bahru

Iskandar Malaysia terus menjadi destinasi pilihan pelabur dan berada pada landasan kukuh untuk muncul sebagai metropolis antarabangsa apabila mencatatkan pelaburan komited berjumlah RM208 bilion sehingga Jun lalu.

Bagi tempoh separuh pertama tahun ini, Iskandar Malaysia menerima pelaburan baharu berjumlah RM17.7 bilion dan menghampiri sasaran tahunan RM25 bilion yang ditetapkan pada tahun ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berkata jumlah pelaburan sejak 2006 itu menunjukkan keyakinan kukuh pelabur dalam usaha merealisasikan Iskandar Malaysia sebagai model bagi pembangunan bandar antarabangsa

pintar pada masa depan.

Beliau yang juga Pengerusi Bersama Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) berkata, daripada jumlah pelaburan komited berkenaan, 51 peratus atau RM106.43 bilion adalah pelaburan yang sudah direalisasikan.

"Pelaburan domestik mencatatkan sebanyak RM124 bilion, manakala pelaburan asing berjumlah RM84.05 bilion. Ini menunjukkan keyakinan pelabur dari negara jiran dan negara lain untuk terus melabur di Malaysia.

## Ekonomi berdaya tahan

"Mereka membuktikan dalam berbuat demikian kerana asas kita yang kukuh dan meletakkan langkah sewajarnya bagi (menjadikan) ekonomi berdaya tahan seperti mengeluarkan subsidi minyak dan gas, melaksanakan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), serta mem-

pelbagaikan ekonomi supaya ia tidak bergantung kepada pendapatan minyak dan gas," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis pelancaran Iskandar Malaysia Greenland Smart City Experiential Centre (SMARTXP), Helios Cove, di Permas Jaya, di sini semalam.

Yang turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin; Pengerusi dan Presiden Greenland Group, Zhang Yuliang dan Ketua Eksekutif IRDA, Datuk Ismail Ibrahim.

Najib berkata, dengan perkembangan itu, kerajaan akan terus menyokong Iskandar Malaysia supaya bergerak mengikut perancangan untuk mencapai status metropolis antarabangsa menjelang 2025 dan Iskandar Malaysia adalah contoh pembangunan terbaik yang membabitkan kerjasama awam dengan swasta.

Sementara itu, Ismail berkata,

dalam tempoh 2006 hingga 2015, sebanyak 682,169 pekerjaan diwujudkan di wilayah berkenaan dengan kebanyakan dalam sektor pembuatan, hospitaliti, makanan dan minuman serta pendidikan.

"Sektor pembuatan mencatatkan pelaburan tertinggi, iaitu sebanyak RM53.68 bilion, logistik (RM6.15 bilion), pelancongan (RM3.37 bilion), penjagaan kesihatan (RM3.17 bilion), pendidikan (RM2.07 bilion), perkhidmatan kewangan (RM1.79 bilion) dan industri kreatif (RM0.56 bilion).

"Sektor lain yang menyokong pertumbuhan termasuk hartanah runcit sebanyak RM57.19 bilion, hartanah perumahan (RM40.87 bilion), hartanah industri (RM13.51 bilion), utiliti (RM12.96 bilion), pelaburan kerajaan dalam infrastruktur (RM9.83 bilion) dan teknologi baharu (RM2.85 bilion)," katanya.